

Layakkah Hishammuddin menjadi Perdana Menteri?

Free Malaysia Today

31 March 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Kemampuan Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang dilihat sebagai bakal perdana menteri suatu hari nanti dipersoalkan kerana kelemahannya dalam menjalankan tugas selaku Menteri Pertahanan dan jawatan-jawatannya terdahulu.

Shahbudin Husin, bekas Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Wangsa Maju, dalam blog entrinya yang bertajuk ‘Bersediakah Kita Menerima Seorang Lagi Anak Bekas PM Jadi PM?’ dalam shahbudindotcom.blogspot.com, berkata kemampuan Hishammuddin mengawal sidang media pencarian pesawat MH370 tidak seharusnya dijadikan kayu ukur untuknya menjadi perdana menteri.

Menurut Shahbudin, keupayaan dan kemampuan Hishammuddin mengendalikan pelbagai asakan media, terutamanya daripada luar negara segera membangkitkan keyakinan banyak pihak tentang potensinya sebagai perdana menteri selepas ini.

“Hishammuddin mungkin ada kelebihan daripada segi mengendalikan media tetapi aspek itu sebenarnya hanyalah satu aspek daripada berpuluh aspek lain yang diperlukan untuk menjadi perdana menteri yang baik bagi negara berbilang kaum, agama dan budaya seperti Malaysia ini.

“Aspek ketegasan, keberanian, adil, jujur, amanah, tidak mementingkan keluarga dan kroni, memberi kemakmuran kepada rakyat dan berbagai lagi adalah lebih penting kerana kualiti-kualiti itulah akhirnya yang akan menentukan kestabilan dalam negara.

Tambah Shahbudin, beban daripada kegagalan TUDM bertindak lebih awal terhadap pesawat MH370 yang mengakibatkan usaha pencarian berlarutan selain turut mencemar imej negara harus dipikul oleh Hishammuddin sendiri yang dilantik ke jawatan di kementerian kanan negara itu atas tiket naib presiden Umno

Bagi beliau, perkara-perkara ini menonjolkan nama Hishammuddin sebagai bakal perdana menteri, sekaligus menenggelamkan nama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan juga nama naib presiden Umno yang lain iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Shafie Apdal.

Shahbudin bagaimanapun mempersoalkan bersediakah negara menerima seorang lagi bekas anak perdana menteri untuk menjawat jawatan itu setelah pelbagai masalah dan kelemahan yang timbul dalam pemerintahan Datuk Seri Najib Razak.

“Setelah hampir lima tahun negara berperdana-menterikan Najib Razak yang merupakan seorang anak bekas perdana menteri, Tun Abdul Razak, di sebalik segala isu, masalah dan kemelut yang muncul di era pentadbirannya, sebahagian besarnya adalah dikaitkan dengan kedudukannya sebagai anak bangsawan yang lahir di dalam dulang emas dan membesar dengan segala kemewahan,” katanya.

Tambahnya lagi, walaupun Hishammuddin tidak diberikan laluan mudah dalam parti seperti yang dinikmati oleh Najib, namun pemikirannya mungkin sama seperti Najib lantaran datang dari keluarga bangsawan.

“Kelebihan Hishammuddin, sama juga seperti Najib adalah kerana mereka berdua anak kepada bekas perdana menteri. Jika bukan kerana berbinkan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, nasib mereka dalam Umno mungkin berbeza seperti yang dinikmati sekarang,” katanya.

Shahbudin menambah masih terlalu awal untuk menilai kemampuan Hishammuddin selaku perdana menteri hanya melalui kes MH370 ini.

“Selain rekod kepimpinannya selama ini perlu diselak untuk dinilai semula seperti dalam isu Lahad Datu, perhimpunan aman dan sebagainya, cerminan yang telah dipantulkan oleh kepimpinan Najib sebagai anak bekas perdana menteri haruslah juga menjadi perkiraan utama,” katanya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/31/layakkah-hishammuddin-menjadi-perdana-menteri/>